

**STRATEGI PEMASARAN PRODUK PELANCONGAN: MENGENALPASTI CORAK
PERBELANJAAN PELANCONG PULAU PANGKOR**

Leading Agency: Institute Darul Ridzuan

Partner: Universiti Pendidikan Sultan Idris (Dr Rosmini Ismail)

Year: 2012

Kajian ini adalah kesinambungan kepada kajian 2011 bertajuk Penjenaamaan Semula Pulau Pangkor sebagai Destinasi Ekopelancongan melalui Kaedah Pelbagai Bidang (Rebranding Pangkor as Ecotourism Site through Multi-disciplines Approaches). Untuk itu, laporan ini turut melaporkan hasil tinjauan ke atas sebarang aktiviti penambahbaikan yang telah dilakukan berdasarkan teguran dan cadangan yang diutarakan dalam kajian 2011. Namun begitu, perlulah ditekankan bahawa tujuan utama kajian 2012 ini adalah untuk mengenal pasti gelagat perbelanjaan pelancong. Maklumat ini akan membantu dalam perancangan pembangunan pelancongan dan pembuatan keputusan. Selain daripada itu, kajian ini juga mengkaji beberapa faktor lain yang mempengaruhi pelancong ketika berada di Pulau Pangkor. Antaranya tempat yang dikunjungi serta kajian kepuasan pelancongan berkenaan produk pelancongan yang terdapat di Pulau ini.

Di peringkat kertas cadangan, fokus kajian ini hanya mengkhusus kepada mengkaji gelagat berbelanja pelancong dan melihat faktor-faktor yang mempengaruhi perbelanjaan tersebut. Namun begitu, semasa kajian dijalankan, terdapat beberapa objektif lain dimasukkan bagi memastikan kajian ini dapat merangkumi pelbagai aspek pelancong seperti aktiviti yang dilakukan ketika berada di Pulau ini serta pandangan-pandangan yang berkaitan dengan produk pelancongan dan infrastruktur yang sedia ada.

Cadangan

Hasil dapatan dan perbincangan, berikut adalah cadangan-cadangan yang wajar diberi perhatian:

1. Memandangkan pantai merupakan tarikan utama Pulau Pangkor, tahap kebersihan di pantai-pantai perlu diambil berat. Penambahan bilangan tong sampah di rasakan perlu dan jadual kutipan sampah bagi hujung perlu dilakukan lebih kerap.

2. Lokasi pantai baru di perkenalkan seperti Teluk Segadas dan yang lain (sekiranya ada) bagi mengelakkan kesesakan kawasan-kawasan pantai utama.
3. Jaring keselamatan perlu disediakan seperti yang dilakukan di Pulau Perhentian bagi memastikan keselamatan pelancong daripada kemalangan dengan bot-bot.
4. Memperkenalkan Pulau Sembilan sebagai destinasi skuba. Namun begitu, perhatian perlu diberikan dari segi keselamatan dan kebersihan kawasan Pulau ini. Hasil tinjauan mendapati, Pulau Sembilan ini mampu menarik pelancong asing tetapi terdapat banyak sampah di kawasan pantai. Di samping itu, terdapat isu keselamatan dari segi aktiviti menyelam. Oleh itu, jika ingin memperkenalkan Pulau ini, keselamatan pelancong perlu diutamakan.
5. Pemantauan, pemeliharaan dan pemuliharaan Pulau Giam dan Mentagor perlu menjadi agenda utama kerana kesesakan (*over crowded*) seperti yang berlaku sekarang mengakibatkan kesan negatif yang mana dikhuatiri akan menyebabkan kerosakan kekal.
6. Kajian berkenaan gelagat pelancong asing perlu dijalankan bagi menilai potensi sebenar Pulau Pangkor di peringkat antarabangsa dan mengkaji sama ada boleh memberikan pulangan yang berbaloi.
7. Mengenal pasti dan menaik taraf kedai-kedai makan yang bersesuaian.
8. Membuat pemantauan dan jika perlu menetapkan siling harga makanan.
9. Pembungkusan semula produk hasil laut untuk dipromosikan kepada pelancong asing.
10. Pengurusan di jeti yang lebih sistematik supaya pelancong tidak perlu beratur lama dan menyediakan keadaan yang lebih selesa ketika menunggu feri semasa musim *peak* dan *super peak* di jeti.
11. Menyediakan risalah maklumat kepada pelancong asing mengenai tempat-tempat yang boleh dilawati Pulau Pangkor. Ini kerana kebanyakan pelancong asing yang ditemui bual tidak tahu mengenai Galeri Pangkor dan Foo Ling Kong.

Tindakan

- Telah dibentangkan di Seminar Penyelidikan Tahunan IDR Pertama (ke-1) yang telah diadakan pada tahun 2014.